

**ARAHAN:** Jawab dua soalan; **satu daripada Bahagian A** dan **satu lagi daripada Bahagian B**.

**BAHAGIAN A (5 markah)**

**Arahan:** Tulis respons yang panjangnya tidak kurang daripada 60 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

|           |                                            |
|-----------|--------------------------------------------|
| Daripada: | raudah_satria@kgoomail.com                 |
| Kepada:   | jessica_abby@kgoomail.com                  |
| Tarikh:   | 17/08/2021                                 |
| Subjek:   | Hari Penghargaan untuk Pekerja Pembersihan |

Jessica

Saya harap awak sekeluarga sihat.

Tidak lama lagi, saya dan rakan-rakan sekelas harus mengadakan Hari Penghargaan kepada pekerja-pekerja pembersihan di sekolah saya. Mereka bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan sekolah bersih dan kemas. Pada musim wabak Covid-19, pekerja-pekerja pembersihan kerap kali mengelap susur tangan, meja makan dan meja tulis.

Saya ingin meminta pendapat awak tentang barang-barang yang sesuai untuk dihadiahkan kepada mereka. Apakah aktiviti-aktiviti menarik yang kita boleh jalankan untuk mereka supaya mereka berasa usaha mereka amat dihargai?

Saya menantikan balasan e-mel daripada awak.

Yang ikhlas  
Raudah

- 2 Baca forum berikut dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam forum tersebut.

| FORUM KELAS CEMERLANG                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |          |       |
|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------|
| PROFIL                                                                              | PELAJARAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | KALENDAR | FORUM |
| [Firdaus] 17 Ogos 2021: 2.30 petang                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |          |       |
|   | <div>komen</div> <div>keluar</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |          |       |
| [Delilah] 17 Ogos 2021: 2.15 petang                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |          |       |
|  | <p>Saya berasa bahawa guru di sekolah boleh mengajak pelajar-pelajar agar membuat kajian tentang persamaan dan perbezaan antara acara Olimpik dan Paralimpik.</p> <div>komen</div> <div>keluar</div>                                                                                                                                                                                                                                           |          |       |
| [Mike] 17 Ogos 2021: 2 petang                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |          |       |
|  | <p>Acara Sukan Paralimpik akan berlangsung tidak lama lagi. Atlet kurang upaya bersemangat dan sudah berlatih untuk acara itu. Namun, acara-acara lain seperti pertandingan Olimpik dan Liga Eropah lebih popular di kalangan remaja. Bagaimanakah kita boleh menyokong usaha atlet-atlet kurang upaya ini? Apakah yang kita boleh lakukan untuk meningkatkan kesedaran para remaja tentang Paralimpik?</p> <div>komen</div> <div>keluar</div> |          |       |

[illegible]

### BAHAGIAN B (15 markah)

**Arahan:** Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 170 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Perhatikan gambar bersiri yang berikut. Ceritakan peristiwa yang berlaku.



- 4 Kamu harus membuat sebuah projek sekolah secara berkumpulan. Setiap ahli kumpulan telah diberikan tugas dan telah menyelesaikannya. Namun, beberapa ahli kumpulan kamu telah mengkritik dan menegur tentang hasil tugas kamu dengan menggunakan suara yang tinggi. Gambarkan perasaan dan tindakan kamu pada waktu itu.
- 5 Cara-cara untuk menjadi pengguna media sosial yang bertanggungjawab.